

dispotif, iaitu jaya, untuk itu peraturan dan sifatnya boleh berubah-ubah berdasarkan keadaan dunia yang semakin gawang dan dinamik. Dalam konteks ini, seorang ulama yang bertujuan untuk mengajak umatnya untuk mematuhi peraturan Islam yang dikenakan pada masa itu, ia adalah suatu tindakan yang tidak sah.

PERUBAHAN DALAM SYARI'AH

Perubahan dalam syariah merupakan faktor penting dalam pembinaan hukum Islam. Perubahan ini berlaku secara terus menerus dan ia merupakan ciri khas dalam hukum Islam. Ia memberi kesempatan kepada ahli hukum untuk menyesuaikan peraturan dengan perkembangan zaman dan keadaan dunia.

Pengaruh Perubahan (*al-Taghayyur*) Dalam Pembinaan Hukum: Tinjauan Terhadap Konsep dan Realitinya Di Zaman Rasulullah s.‘a.w.

Noor Naemah Abd. Rahman

Abstract

Islamic law recognises evolution that happens in society as a factor that should be taken into consideration when formulating rules on how general principles of Syariah law should be followed. Taking certain examples from the period of the Prophet (s. ‘a.w.), it is the aim of this article to analyse this aspect and to show to what extent the process of evolution influences on how Syariah law should be understood and subsequently applied to the Muslim society and state.

Pendahuluan

Perubahan cara hidup dan budaya yang berlaku dalam masyarakat mendapat tempat yang sewajarnya dalam penggubalan hukum Islam. Ini kerana perubahan yang berlaku adalah manifestasi kepada perubahan yang secara tabi'i berlaku dalam kehidupan manusia. Perubahan ini bukan sahaja terhenti kepada persoalan tertentu namun ianya merangkumi seluruh aspek kehidupan. Dan Islam sebagai

agama fitrah turut memperakui fenomena ini kerana perubahan kehidupan menghendaki perubahan undang-undang yang mengatur kehidupan itu, bagi menjamin keserasian antara undang-undang yang mengatur dengan manusia sebagai subjek pelaksanaan undang-undang tersebut.

Konsep Hukum Islam

Dalam sejarah pensyariatan hukum Islam terdapat beberapa nilai dan prinsip yang diterima sebagai nilai yang sentiasa tetap dan tidak berubah walaupun dengan perubahan dan peredaran masa yang berlalu. Prinsip-prinsip demikian biasanya berhubungkait dengan asas-asas ibadat, persoalan-persoalan aqidah dan keimanan, asas-asas akhlak dan seumpamanya yang menjadi mesej perutusan seluruh para rasul.

Syariat Islam memperakui kewujudan beberapa nilai asas dan prinsip yang tetap dan tidak berubah, sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Dia telah mensyariatkan bagi kamu tentang agama apa yang telah diwasiatkanNya kepada Nuh dan apa yang telah kami wahyukan kepadamu dan apa yang telah kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa iaitu: Tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah belah tentangnya.”

(al-Syura: 42-43)

Namun ia juga memperakui wujudnya nilai-nilai yang fleksibel dan boleh berubah mengikut keperluan masa dan suasana. Aspek fleksibiliti dan keanjalan syariat Islam ini boleh dilihat dengan nyata sekali bilamana ia pada prinsipnya mengemukakan dasar-dasar berikut:¹

(1) Tidak mendatangkan nas hukum secara langsung untuk semua perkara. Ini bertujuan membuka ruang berijtihad kepada umat Islam dengan berdasarkan kaedah dan prinsip asas dalam penggubalan hukum. Sudah tentulah dalam suasana demikian realiti kehidupan masyarakat dan kemaslahatannya akan diberikan perhatian dalam membuat kesimpulan hukum.

(2) Penetapan hukum yang dibuat kebanyakannya berdasarkan kepada kaedah-kaedah umum dan prinsip-prinsip menyeluruh yang banyak memberikan ruang yang fleksibel kepada melayani kehendak perubahan masa dan keperluan masyarakat. Inilah yang dimaksudkan daripada kaedah fiqh yang berbunyi “*la yunkir taghayyur al-ahkam bi taghayyur al-azman*”² yang bermaksud: “perubahan hukum yang berdasarkan perubahan masa adalah suatu yang diterimakai.”

(3) Mengemukakan kaedah “*ta’lil al-nusus*” bagi memberi laluan kepada

para mujtahid melebarkan jangkauan hukum pada perkara-perkara yang mempunyai sebab hukum yang sama pada bila-bila masa sekalipun. Sebab itulah para ulama hukum telah merumuskan kaedah “*al-hukm yadur ma'a 'ilatih wujudan wa 'adaman*”³ yang bermaksud: Peredaran hukum bergantung kepada illahnya, di mana wujudnya illah, akan sabitlah hukum dan begitulah sebaliknya.

Dengan ciri-ciri dan dasar-dasar syariat Islam berupaya dan mampu untuk beroperasi di sepanjang zaman dan dalam semua keadaan. Sejarah telah membuktikan syariat Islam berkembang mengikut perkembangan yang berlaku dalam kehidupan umat Islam dan perbendaharaan hukumnya bertambah dari masa ke semasa.

Realiti yang berlaku dalam kehidupan umat manusia memperlihatkan bahawa isu yang timbul dalam masyarakat sentiasa bertambah dan berkembang sejajar dengan perkembangan yang berlaku dalam masyarakat. Hasilnya suasana dan *maslahah* yang melingkungi kehidupan manusia turut berubah. Menyedari hakikat ini didapati syariat hukum antara para rasul berbeza-beza sesuai dengan perbezaan suasana dan nilai yang berlaku dalam masyarakat kecuali pada perkara-perkara pokok dan kaedah-kaedah umum dan asas. Suasana ini berlaku kerana pensyariatan hukum itu tidak berlaku kecuali untuk menjaga kemaslahatan manusia. Bilamana kemaslahatan manusia berubah nilainya maka ia turut diraikan oleh ketetapan hukum.⁴ Kenyataan ini diperakui sendiri oleh Allah s.w.t. melalui pensyariatan keharusan mengahwini saudara perempuan sendiri di peringkat awal penciptaan manusia kerana bilangan manusia yang wujud padamasa tersebut amat terhad. Namun bila mana makhluk manusia mula berkembang dan membiak, Allah s.w.t. kemudiannya telah mengharamkan perkahwinan sesama saudara kandung bermula dari zaman Bani Israil.⁵

Pendek kata peredaran zaman yang berlaku dalam kehidupan manusia telah secara langsung membawa perubahan pada cara hidup dan budaya mereka.

Ibnu Khaldun pernah menyebut: “Sesungguhnya keadaan dunia dan umatnya serta adat istiadat dan amalan tradisi mereka tidak akan kekal dalam satu bentuk dan satu gelombang. Bahkan ianya turut berubah mengikut perubahan masa dan keadaan samada pada individu manusia sendiri ataupun tempat tinggal mereka. Begitulah realiti perubahan yang akan berlaku pada semua masa dan tempat.”⁶

Keterangan di atas menjelaskan bahawa kaedah ketetapan (*al-thabat*) dan perubahan (*al-taghayyur*) merupakan dua kaedah yang tidak dapat ditolak dalam kehidupan manusia. Oleh sebab itu syariat Islam turut menerima pakai kedua-dua kaedah tersebut bagi membuktikan ianya layak untuk dipakai sepanjang zaman kerana penerimanya terhadap unsur perubahan yang berlaku dalam masyarakat seligimana ianya tidak melanggar prinsip-prinsip asas Islam.

Antara contoh yang jelas dapat diperlihatkan tentang penerimaan syariat Islam terhadap kedua-dua konsep ini seperti apa yang terkandung dalam firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Apabila kamu menghukum sesama manusia hendaklah kamu berlaku adil."

(al-Nisa': 56)

Begitu juga firman-Nya lagi yang bermaksud:

"Hendaklah kamu menghukum sesama mereka dengan apa yang diturunkan Allah dan jangan kamu ikuti hawa nafsu mereka."

(al-Maidah: 49)

Daripada kedua-dua ayat di atas Allah s.w.t. telah menetapkan kaedah wajib berlaku adil dalam menghukum dan tidak menghukum berdasarkan hawa nafsu. Kaedah ini merupakan suatu yang tetap dan tidak berubah sampai bila-bila masa, sehingga para hakim di sepanjang zaman diwajibkan supaya berlaku adil dalam pengadilan dan penghukuman. Namun dalam menentukan bagaimana prinsip keadilan itu boleh dicapai, bagaimana bentuk pengadilan yang perlu dibuat, kaedahnya, prosedurnya, dan lain-lain adalah diletak di bawah budi bicara pemerintahan negara ataupun *ulil amri*.

Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa syarak hanya memperincikan konsep dan matlamat asas, namun pemilihan kaedah pencapaian konsep tersebut diserahkan pada budi bicara manusia, yang memberi ruang kepada mereka untuk memilih *uslub* dan kaedah yang sesuai dan munasabah dengan situasi dan realiti yang wujud.

Kesahihan Konsep Al-Taghayyur

Zaman pensyariatan hukum telah berlaku dalam dua peringkat masa yang berbeza. Zaman Mekah yang mana Islam baru sahaja lahir dengan kekuatan yang terbatas, sementara period kedua ialah zaman Madinah yang mana Islam telah mempunyai kekuatan dan kerajaan. Kedua-dua tempoh masa dan tempat ini mempunyai ciri budaya dan nilai hidup yang berbeza.

Di zaman Madinah ternyata sekali berlaku berbagai perkembangan dalam kehidupan umat Islam sehingga timbulnya amalan-amalan baru yang tidak pernah diketahui sebelumnya yang akhirnya menjadi amalan yang sebatik dengan kehidupan di Madinah. Sebagaimana Rasulullah s.'a.w. sendiri telah menggunakan cop mohor dalam urusan pentadbiran negara Islam Madinah setelah diberitahu bahawa segala urusan surat menyurat yang tidak disertai dengan cop mohor tidak akan dilayan.⁷

Begitulah suasana kehidupan masyarakat Islam dan corak hidup mereka di zaman Madinah telah mula mengalami perubahan hasil peredaran masa dan perubahan sosial yang berlaku. Sememangnya fenomena sebegini suatu lumrah dalam kehidupan manusia, kerana dengan bertambahnya pengalaman hidup dan

pengetahuan maka berubahlah cara hidup mereka. Namun prinsip dan nilai asas hidup yang ditetapkan oleh agama tidak boleh berubah dengan perubahan cara hidup mereka. Yang hanya boleh berubah ialah cara pelaksanaan prinsip-prinsip dan nilai asas tadi supaya ianya serasi dengan keperluan semasa yang wujud, selama mana ianya tidak mendorong mudarat. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud kamu lebih mengetahui tentang urusan dunia kamu.⁸ Sebab itulah urusan pentadbiran kehadapan manusia ditangani oleh mereka sendiri dengan berpandukan prinsip dan kaedah asas yang tetap, agar ianya bersesuaian dengan keperluan dan kehendak semasa yang wujud dan tidak pula bercanggah dengan prinsip dan nilai-nilai asas yang telah ditetapkan.

Bukti pengiktirafan syarak terhadap konsep *taghayyur* ini jelas sekali dapat dilihat daripada pensyariatan nasakh, iaitu pembatalan/pindaan hukum terdahulu dengan kewujudan hukum kemudian. Suasana ini berlaku kerana hukum baru dilihat lebih munasabah dan mendorong kebaikan kepada persekitaran baru yang wujud. Ini kerana nilai kemaslahatan hidup manusia berubah dari satu masa ke satu masa yang lain, sedang tujuan pensyariatan hukum adalah untuk menjaga kemaslahatan hidup manusia, sebagaimana dijelaskan oleh al-Shatibi: “penilaian terhadap syariat Islam dan seluruh hukum cabangnya menjelaskan kepada kita bahawa Allah s.w.t. telah memberikan penghormatan yang sewajarnya terhadap kemaslahatan hambaNya dalam menentukan hukum.”⁹

Oleh yang demikian, bilamana maslahat manusia sudah tidak lagi terjamin dengan berkekalan hukum lama, amat wajarlah digantikan dengan hukum baru yang lebih mendorong kebaikan.

Bila mana amalan nasakh telah diterima sebagai satu kaedah penggubalan hukum di zaman pensyariatannya yang berlaku dalam tempoh 23 tahun. Maka ianya boleh dijadikan asas kepada penerimaan syariat Islam terhadap konsep perubahan hukum yang berhasil daripada perubahan kehendak dan keperluan yang berlaku dalam kehidupan manusia sepanjang zaman.¹⁰

Begitu juga konsep (*al-tadarruj*) yang bermaksud beransur-ansur dalam pensyariatan hukum, memperlihatkan kepada kita bagaimana sikap hukum Islam dalam melayani perubahan situasi manusia dan keperluan semasa. Saidatina ‘A’isyah dalam hal ini pernah menyebut:

“Antara bentuk hukum yang diturunkan di zaman awal Islam adalah berligar di sekitar persoalan sifat-sifat syurga dan neraka, sehingga bilamana umat Islam agak teguh imannya barulah ditentukan hukum halal dan haram. Kalaular di peringkat awal Islam telah diharamkan arak dan diharamkan zina nescaya umat Islam pada waktu itu mengambil sikap untuk meneruskan amalan meminum arak dan berzina yang telah lama sebat dalam kehidupan mereka.”¹¹

Kata-kata seperti ini tidak lain kecuali bertujuan menjelaskan pengiktirafan syarak terhadap nilai-nilai persekitaran hidup manusia yang berbeza-beza dan

berubah sehingga ianya dijadikan asas dalam membuat penentuan hukum.

Demikian juga kalau dilihat ayat-ayat al-Quran yang mengandungi lebih dari 6000 ayat nescaya didapati ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum secara umum kurang daripada 600 ayat, sementara bakinya adalah berkaitan dengan tauhid, kenabian dan lain-lain.¹²

Dari 600 ayat-ayat hukum tersebut didapati hanya 4 ayat sahaja yang berbicara tentang persoalan kontrak jual beli sedang masalah-masalah yang berkaitan dengan persoalan ini terlalu banyak sehingga merangkumi penulisan yang berjilid-jilid.

Suasana demikian berlaku kerana hukum-hukum berkenaan bersifat berkembang dan menerima perubahan, sehingga kalaularah dinaskan secara langsung dan pasti keseluruhan bahagian kecilnya akan membawa kesulitan kerana hukum tersebut akan mempunyai kuasa mengikat, sedangkan hukum-hukum yang pernah diputuskan di zaman awal Islam mungkin sudah tidak sesuai lagi untuk digunakan pada realiti zaman kini kerana perubahan suasana dan keperluan masyarakat. Sebab itulah kita dapati al-Quran semasa membentangkan hukum, berpaksikan kepada *manhaj* menditilkkan hukum-hukum yang tidak mungkin berubah dan mengijmalkan hukum-hukum yang berkemungkinan mengalami perubahan.¹³

Aktiviti mencari sebab atau ‘*illah* sesuatu hukum itu menjadikan sebab itu sebagai asas kepada penetapan hukum-hukum yang berbentuk ibadat mutlak turut memberi sumbangan dalam memperlihatkan sikap hukum Islam yang dinamik. Di mana ‘*illah* hukum ini boleh diperluaskan lagi kepada perkara-perkara baru yang mempunyai ‘*illah* yang sama. Oleh itu kewujudan hukum bergantung kepada kewujudan sebabnya, kerana sesuatu hukum itu boleh wujud di satu masa dan hilang di suatu masa yang lain yang mengakibatkan berubahnya penetapan hukum. Perubahan hukum ini biasanya melibatkan hukum yang tidak bersifat ibadat yang mutlak seperti hukum adat. Inilah yang dimaskudkan oleh al-Shatibi dalam ungkapannya: “asas kepada pembinaan hukum-hukum yang bersifat adat ialah penelitian kepada maksud dan matlamat pensyariatannya sementara hukum-hukum ibadat pula berasaskan semangat perhambaan diri kepada Allah s.w.t.” - (*ta’abbud*).¹⁴

Sikap Rasulullah s.a.w. Dalam Menghadapi Realiti Perubahan Masyarakat

Rasulullah s.a.w. telah melalui kerasulannya yang menjangkau tempoh 23 tahun, bermula dari zaman awal kebangkitan Islam di Mekah sehingga zaman penubuhan negara di Madinah. Dalam jangkamasa hampir sesuku abad itu sudah tentulah berlaku berbagai-bagai perubahan kehidupan masyarakat yang mempengaruhi penentuan hukum yang dibuat oleh baginda Rasulullah s.a.w.

Kedudukan ini secara umum telah diakui sendiri oleh Rasulullah s.a.w. melalui sabdanya yang menjelaskan tentang kemunculan gerakan *tajdid* di sepanjang zaman yang berfungsi untuk membuat beberapa pembaharuan semula terhadap urusan agama. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

“Allah akan membangkitkan pada awal setiap abad (100 tahun) orang yang akan mentajjidikan urusan agama.”¹⁵

Tajdid menurut pengertian bahasanya bermaksud menjadikan sesuatu yang baru. Namun dalam meneliti pengertian sebenar hadith tersebut, Dr. Yusuf Qaradawi menyebut ia boleh dimaksudkan sebagai usaha pembaharuan dan penelitian semula kepada nilai-nilai hukum yang sudah tidak lagi menepati keperluan dan kehendak masyarakat.¹⁶ Dalam membuat usaha pembaharuan ini memerlukan ijtihad dan kesungguhan.

Oleh itu gerakan tajdid merupakan manifestasi kepada keperluan perubahan nilai hukum disebabkan perubahan realiti kehidupan yang berlaku. Namun gerakan tajdid mestilah didasarkan kepada nilai-nilai dan prinsip-prinsip keaslian Islam.

Begitu juga Rasulullah s.a.w. dalam memberi jawapan kepada persoalan yang diajukan kepadanya turut memberi perhatian kepada kedudukan dan latarbelakang diri orang yang bertanya sehingga berlaku keadaan di mana Rasulullah s.a.w. memberikan jawapan yang berbeza-beza bagi soalan yang sama.

Sebagai contoh: Rasulullah s.a.w. pernah ditanya tentang amalan yang paling afdal dalam Islam oleh dua orang sahabat. Lalu beliau menjawab kepada orang yang pertama dengan katanya:

“Menjaga lidah dan tangan daripada menyakiti saudara seIslam.”

Jawapannya pada orang yang kedua: “Memberi makan pada orang miskin dan mengucapkan salam sama ada pada orang yang dikenali ataupun tidak.”¹⁷

Dalam membuat ulasan terhadap sikap Rasulullah s.a.w., Ibnu Hajar mengatakan: “jawapan yang berbeza-beza itu bermaksud untuk meraikan perbezaan latar belakang orang yang bertanya. Berkemungkinan besar jawapan pertama Rasulullah berbunyi demikian kerana orang yang bertanya adalah dari kalangan mereka yang suka menyakiti saudaranya, lalu Rasulullah s.a.w. mengingatkannya supaya tidak berbuat demikian. Sementara jawapan kedua pula ditujukan kepada mereka yang suka melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan manfaat kepada masyarakat umum lalu diarahkan mereka supaya melakukan perbuatan yang boleh mencapai tujuan yang dikehendaki”.¹⁸

Sementara al-Imam al-Nawawi dalam hal ini turut menyebut: “Rasulullah s.a.w. apabila menyatakan supaya disebarluaskan salam dan memberi makan fakir miskin pada satu masa dan di arah supaya tidak menyakiti saudara seagama di masa yang lain, tidak lain kecuali kerana menghormati keperluan yang wujud pada masa tersebut”.¹⁹

Terdapat banyak lagi contoh-contoh yang menggambarkan perbezaan jawapan Rasulullah s.a.w. bagi soalan yang sama kerana menghormati perbezaan keadaan orang yang bertanya dan keperluan semasa.

Kenyataan-kenyataan di atas, menjelaskan kepada kita sikap Rasulullah

s.'a.w. dalam meraikan perubahan keadaan dan keperluan masyarakat Islam. Gambaran ini semua membuktikan bahawa Islam turut mengambil kira faktor perubahan masa dan keperluan masyarakat sebagai satu elemen penentuan hukum.

Demikian juga Rasulullah s.'a.w. turut meraikan faktor realiti masyarakat Islam dan amalan-amalan tradisi yang berlaku dalam masyarakat pada membuat penentuan hukum. Sebab itulah didapati Rasulullah s.'a.w. melarang orang Islam daripada memusnahkan Kaabah yang telah dibina oleh Nabi Ibrahim dengan katanya, yang bermaksud: "kalaularah tidak kerana orang-orang kafir Quraish baru memeluk Islam, nescaya aku akan runtuhkan Kaabah yang telah sedia ada dan dibina baru dengan dijadikan dua pintu. Satunya sebagai pintu masuk sementara satu lagi sebagai pintu keluar".²⁰

Rasulullah s.'a.w. tidak melakukan demikian, walaupun dia mampu kerana menjaga kemaslahatan umat Islam yang masih baru memeluk Islam.

Penutup

Hukum Islam terbentuk dari adunan unsur-unsur yang tetap (*thabat*) dan unsur-unsur yang sentiasa mengalami perubahan (*taghayyur*). Ia akan bersifat tetap dan tidak berubah pada prinsip asas dan konsepnya, namun sebaliknya akan bersifat anjal dan fleksibel pada cara pemakaian dan pelaksanaannya, kerana pelaksanaannya akan melibatkan masyarakat manusia sebagai makhluk yang dinamis.

Oleh kerana kehidupan manusia dan keperluannya sentiasa mengalami perubahan dan perkembangan sebagai kesan langsung kepada perubahan kehidupan secara tabii, maka hukum Islam turut memberi penghormatan terhadap unsur ini dalam membuat kesimpulan hukum. Pengiktirafan terhadap aspek' perubahan kehidupan manusia dalam penentuan hukum ini jelas sekali terbukti dari semangat pensyariatan hukum secara umum dan juga contoh praktikal daripada Rasulullah s.'a.w.

Gabungan antara konsep (*thabat*) dan (*taghayyur*) inilah menjadikan hukum Islam suatu yang sentiasa mampu beroperasi dalam mana-mana zaman dan keadaan.

Nota Hujung

1. Al-Qaradawi, *al-Khasa'is al-Ammah li al-Islam*, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1989, h. 7.
2. Fasal 39, *Majalah al-Ahkam al-Adliyyah*.
3. Al-Zuhaili, *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyik: Dar al-Fikri, 1986, j. 1, h. 651.
4. Al-Buti, *Fiqh al-Sirah*, Dar al-Fikri, 1980, hh. 43- 45.
5. Al-Zarqa', *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Beirut: Dar al-Qalam, 1989, hh. 173-174.
6. Ibn Khaldun, *al-Muqaddimah*, Kaherah: Dar al-Sha'b, t.t., j. 2, h. 808.
7. Al-Qaradawi, *op.cit.*, hh. 206-207
8. Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Jil, (t.t), j. 7, h. 203.
9. Al-Shatibi, *Al-Muwafaqat*, Beirut: Dar al-Makrifah (t.t), j. 2, h. 6.
10. Ahmad Shalabi, *Tarikh al-Tashri' al-Islami*, Maktabah al-Nahdah al- Misriyyah, 1981, h. 202.
11. Al-Bukhari, *op.cit.*, j. 9, h. 39.
12. Muhammad Qutb, *al-Tatawwur Wa al-Thabat Fi Hayat al-Bashariyyah*, Maktabah Wahbah (t.t), Mesir, h. 231.
13. 'Abdul-Wahab Khallaf, *Masadir al-Tasyri' al-Islami Fi Ma La Nas Fihi*, Kuwait: Dar al-Qalam, 1972, h. 157.
14. Al-Shatibi, *op.cit.*, j. 2, hh. 305-306.
15. Abu Daud, *al-Sunan*, Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah (t.t), j. 4, h. 109.
16. *Qadaya Islamiyyah Mu'asirah 'Ala Basat al-Bahith*, Amman: Dar al-Diya', 1987, hh. 173-175.
17. Al-Bukhari, *op.cit.*, j. 2, h. 48.
18. Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari*, Dar al-Fikri, (t.t), j. 2, h. 48.
19. Nawawi, *Sharh Sahih al-Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, 1983, j. 2, h. 109.
20. Al-Bukhari, *op.cit.*, j. 1, h. 224.